

TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT DATO SERI PADUKA AWANG HAJI SUHAIMI BIN HAJI GAFAR,
MENTERI PEMBANGUNAN,
BAGI MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL KEPADA
ASEAN ARCHITECT DAN ASEAN CHARTERED PROFESSIONAL ENGINEER
PADA HARI RABU, 04 JULAI 2018 JAM 2:00 PETANG
DI DEWAN ATRIA SIMPUR, IBU PEJABAT KERJA RAYA, KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَحْبِيهِ أَجْمَعِينَ

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallahu Alaihi Wassalam serta Kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

- Yang Mulia, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin,
Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional),
Kementerian Pembangunan,
Selaku Pengerusi Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional
dan Juruukur Bahan (BAPEQS),
- Yang Mulia Dyg Hajah Norhayati binti Haji Mohd.
Yaakub,
Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap,
Kementerian Pembangunan;
- Yang Mulia, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Md Ali,
Pendaftar kepada Lembaga Arkitek, Jurutera
Profesional dan Juruukur Bahan;

- Yang Mulia Dyg Alice Lim Sui Kau,
Pemangku Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya,
Kementerian Pembangunan;
- Yang Mulia Awang Haji Mohamad Zin Bin Haji Salleh,
Timbalan Presiden Pertubuhan Ukur, Jurutera dan
Arkitek (Brunei),
(Engineering Division),
Selaku wakil kepada Presiden PUJA (Brunei);
- Yang Mulia, ahli-ahli Lembaga dan Jawatankuasa Hal Ehwal Antarabangsa Lembaga APEQS, Ketua-Ketua Jabatan, Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Pengurus Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan (BAPEQS), iaitu Yang Mulia Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin dan kepada semua ahli-ahli Lembaga APEQS 2015-2018 serta Jawatankuasa Hal Ehwal Antarabangsa BAPEQS yang bertanggung jawab bagi proses permohonan Arkitek dan Jurutera Profesional Brunei yang membolehkan mereka diterima untuk didaftarkan menjadi ahli kepada ***ASEAN Architect*** dan ***ASEAN Chartered Professional Engineer*** bagi Negara Brunei Darussalam.

*ASEAN Architect Council dan ASEAN Chartered Professional Engineer Coordinating Committee merupakan badan-badan profesional berkanun yang telah diakui dan diiktiraf oleh Negara-negara ASEAN didalam Susunan Pengiktirafan Bersama iaitu *Mutual Recognition Arrangement (MRA)*; Perjanjian diantara negara-negara ASEAN (*The ASEAN Agreement*) di bidang perkhidmatan-perkhidmatan Arkitek dan Jurutera Profesional yang telah ditandatangani oleh Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN pada 20 November 2007 dibawah *ASEAN Agreement Framework on Services (AFAS)*.*

Dibawah Artikel 4.2 Sususan Pengiktirafan Bersama ASEAN (*ASEAN Mutual Agreement Arrangement (MRA)*), Lembaga APEQs Brunei Darussalam selaku pihak Berkuasa Pengawalseliaan Profesional (*Professional Regulatory Authority*) telah melantik ... -

... Jawatankuasa Pengawasan Kebangsaan (*National Monitoring Committee*) bagi Arkitek dan Jurutera Profesional Negara Brunei Darussalam untuk meneliti dan membuat sokongan sebelum diterima menjadi ahli kepada ASEAN Architect and ASEAN Chartered Professional Engineer.

Negara Brunei Darussalam, dibawah Susunan Pengiktirafan Bersama (*Mutual Agreement Arrangement (MRA)*) ini akan memudahkan mobiliti perkhidmatan profesion bagi Arkitek dan Jurutera Profesional didalam negara-negara ASEAN (*ASEAN Mobility*) dan meningkatkan lagi pertukaran maklumat dan standard amalan terbaik bagi profesion arkitek dan jurutera profesional dibidang pendidikan, kemahiran dan kelayakan masing-masing.

Alhamdulillah, di kalangan kita yang hadir pada petang ini adalah para profesional yang terdiri daripada *ASEAN Architect* dan *ASEAN Chartered Professional Engineer* yang mempunyai komitmen serta semangat yang tinggi dan berani untuk memperkembangluaskan lagi usaha professionalisma mereka di rantau ASEAN.

Saya menyambut baik usaha sedemikian dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima sijil petang ini di atas pengiktirafan mereka diterima dan didaftarkan sebagai ahli kepada *ASEAN Architect* dan *ASEAN Chartered Professional Engineer*.

Negara Brunei Darussalam setakat ini telah mendaftarkan seramai tiga-puluh lima (35)orang iaitu 13 orang Arkitek dan 22 orang Jurutera Profesional yang diterima sebagai ...

...ahli berdaftar kepada ASEAN Architect dan ASEAN Chartered Professional Engineer di bawah ASEAN Monitoring Committee AMC.

Ini menunjukkan bahawa warga profesional kita tidak ketinggalan untuk sama-sama mendokong dan menuju ke arah Wawasan Brunei 2035, melalui perkembangan kepakaran yang berterusan dan mempunyai kemampuan untuk melahirkan lebih ramai lagi para profesional di Negara ini, setanding dengan para professional di negara luar dalam aspek teknikal dan kompetensi mengikut kepakaran di bidang masing-masing.

Saya penuh berharap agar setiap profesional yang berdaftar di Negara ini akan terus gigih berusaha meningkatkan lagi kemahiran, pengetahuan dan kepakaran masing-masing ...

...bagi memberikan perkhidmatan profesional yang terbaik kepada orang ramai serta menjadi contoh tauladan kepada generasi masa depan; disamping mengekalkan integriti profesionalisma serta mengembangkan profesionalisma kepada generasi pelapis dalam bidang masing-masing demi mencapai hasrat dan aspirasi negara dalam mengekalkan Kehidupan Berkualiti dengan Pembangunan Yang Berterusan ke arah Negara yang Makmur.

Didalam perkembangan lain, Kementerian Pembangunan telah menuahkan satu Lembaga yang bergelar *Board of Housing Developers* bertujuan untuk menjalankan dan menguat-kuasakan *Perintah Pemaju Perumahan 2012* yang telah diluluskan dan dijangka akan dijalankan pada awal tahun 2019 nanti.

Dengan adanya Perintah Pemaju Perumahan ini akan membolehkan semua Pemaju-Pemaju Perumahan di Negara ini didaftar dan diberikan lisen (*registered of licensed housing developers*) untuk menjalankan sebarang kemajuan perumahan yang melebihi 4 unit perumahan dengan mengikut peraturan dan piawaian antarabangsa, bertujuan untuk mengawal dan menjaga kepentingan-kepentingan pengurusan kemajuan perumahan yang melibatkan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, dibawah peruntukan *Perintah Penilai dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2016* yang telah diluluskan, Kementerian Pembangunan juga telah menubuhkan satu Lembaga yang bergelar *Lembaga Penilai dan Ejen Harta Tanah* yang mana ahli-ahli yang dilantik terdiri daripada pihak swasta dan kerajaan bertujuan untuk ...

...melaksanakan penguatkuasaan akta tersebut yang akan dilaksanakan pada akhir tahun ini, Insya Allah.

Peruntukan akta ini juga akan mengawal, memantau dan memastikan semua Ejen-ejen Harta Tanah dan Penaksir Tanah di Negara ini diberi lesen yang sah yang didaftarkan di Kementerian Pembangunan sebelum menjalankan urusan-urusan perniagaan harta tanah dan penilaian mengikut peraturan dan garispandu yang disediakan.

Saya juga telah difahamkan bahawa *Professional Assessment Route 1*, Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA Brunei) telah mendapat pengiktirafan daripada BAPEQS Negara Brunei Darussalam bagi membolehkan PUJA menjalankan profesional assessment kepada ahli-ahli nya. Diucapkan syabas dan tahniah kepada PUJA (Brunei).

Saya penuh yakin dan berharap dengan adanya pengiktirafan ini akan menambah lagi integriti dan kredibiliti PUJA (Brunei) dan keahlian-nya dibidang profesional diperingkat Kebangsaan dan Antarbangsa didalam arena pembangunan di Negara ini dan di Rantau ini amnya.

Akhirkata, marilah kita sama-sama berdoa dan berusaha dengan lebih gigih dan bersunguh-sunguh dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai disegi profesionalisma dan sama-sama menjalankan tanggung-jawap dan amanah yang diberikan kepada kita sebagai seorang professional demi menjaga imej, keselamatan dan kesejahteraan orang ramai khususnya penduduk di Negara Brunei Darussalam ini.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.